

Tegaskan semua pihak jadi pencetus pengeluaran barang tempatan - Tun M

Jangan jadi bangsa pengguna

Oleh SOFIAN BAHAROM
sofian.baharom@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Sept.

- Rakyat negara ini dinasihatkan tidak bergantung sepenuhnya kepada barang import atau menjadi 'bangsa pengguna' tetapi sebaliknya, menjadi pencetus kepada pengeluaran besar-besaran barang buatan tempatan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berkata, perkara itu penting memandangkan tanpa pengeluaran besar-besaran barang tempatan, dikhuatiri industri pengeluaran dalam negara akan bankrap sekali gus memberi impak kepada sosioekonomi rakyat yang bergantung kepadanya terutama dalam hal ehwal peluang pekerjaan.

Katanya, dalam aspirasi ke arah negara berpendapatan tinggi, kerajaan juga perlu melipatgandakan pengeluaran barang tempatan melalui dasar-dasarnya kerana dengan pendekatan dinamik sahaja, beliau percaya pendapatan negara dan taraf hidup rakyat dapat dipertingkatkan.

"Industrisasi sepatutnya menjadi pegangan kerajaan kerana ia menjadi tiang terpenting dalam pembangunan. Sebab itu terdapat keperluan mendesak bagi semua pihak untuk memantapkan proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) barangannya. Dahulu kita tidak buat penyelidikan, kita hanya berdasarkan pemikiran sahaja."

"Sekarang berbeza, kita lakukan R&D di makmal dengan tertib untuk meningkatkan produktiviti melibatkan ilmu-ilmu biologi dan kimia. Perkara ini bermula daripada kecenderungan un-



TUN Dr. Mahathir Mohamad diiringi Dr. Fauzi Ramli (tiga dari kiri) bersalaman dengan kakitangan dan pelajar UPM selepas menyampaikan syarahan di Serdang, semalam.

tuk menyoal semua perkara terutama dalam meningkatkan keuntungan para pengusaha, pekerja, pengguna dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan bertajuk 'Membangunkan Negara Berpendapatan Tinggi Melalui Inovasi dan Pembinaan Kapasiti' pada Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi 2014 Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor

UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menjelaskan, sikap ortodoks atau enggan berubah daripada kaedah lama perlu dikikis dalam jiwa semua pihak memandangkan kebanyakkan ciptaan boleh ditambah baik melalui pengamatan dan perubahan perkembangan semasa.

Jelas beliau, sebaliknya, semua pihak perlu mengamalkan pendekatan luar kotak yang mempro-

mosikan pemikiran 'tidak berpuas hati' dan mahu mengubah sesuatu perkara dengan lebih baik.

Dari segi pertahanan, kata beliau, adalah menjadi kelebihan bagi sebuah negara untuk memantapkan keupayaan persenjataan mereka melalui penyelidikan bagi menjamin kedaulatan tanah air tidak diganggu-gugat oleh sebarang ancaman.

Sekiranya gagal berbuat demikian, beliau percaya sesebuah negara itu akan terdedah dengan penjaja-

han oleh pihak-pihak luar sekali gus memberi kesan kepada masa depan negara itu sendiri.

"Di sini saya tegaskan bahawa ilmu adalah elemen terpenting untuk kita termasuk melibatkan ilmu geografi, sejarah selain sains dan matematik. Kita perlu membaca segala yang diperlukan untuk mengasah pemikiran selaras dengan kebolehan teknologi semasa. Ini dapat menambahkan pendapatan per kapita kita dan kehidupan menjadi lebih maju," katanya.